

Perluah Akta Hasutan bagi Menjamin Perpaduan Kaum di Malaysia?

Is Sedition Act Needed for Maintaining Racial Stability in Malaysia?

Roos Niza Mohd Shariff

*Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah*

Corresponding author: roosniza@uum.edu.my; roosniza@outlook.com

Abstrak: Akta Hasutan 1948 adalah undang-undang Malaysia yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menghasut. Namun terdapat cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 kerana ia menyekat kebebasan bersuara lalu bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, kebebasan bersuara perlulah ada hadnya. Tujuan kertas kerja ini adalah mengkaji sama ada Akta Hasutan diperlukan bagi menjamin perpaduan kaum di Malaysia. Metodologi kajian kualitatif dilakukan dengan menjalankan analisa terhadap keputusan kes-kes mahkamah, peruntukan undang-undang dan ulasan karya. Objektif kajian bertujuan memahami keperluan, kesesuaian, halangan dan kesan yang dihadapi dalam pelaksanaan Akta Hasutan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan dari sudut substantif dan prosedural, Akta Hasutan telah pun wujud sejak zaman British untuk memelihara perpaduan kaum. Dapatan kajian juga menjurus kepada kesukaran menerapkan kefahaman jitu dan betul mengenai perbuatan menghasut terhadap masyarakat majmuk yang berbeza agama di Malaysia. Kertas kerja ini mendapat kesimpulan bahawa pelaksanaan Akta Hasutan di Malaysia perlu kekal memandangkan peruntukan dalam akta ini berupaya memelihara dan melindungi perpaduan kaum di Malaysia yang berbilang kaum ini.

Kata kunci: Akta Hasutan; Perpaduan Kaum

Abstract: *Sedition Act 1948 is a Malaysian law that provides sentence for seditious acts. However, there was a suggestion to abolish this Sedition Act because it hinders the freedom of speech and thus contrary to Article 10 of the Federal Constitution. Nonetheless, freedom of speech should have a limitation. The methodology of qualitative research is done with the use of analytical study of case laws, provisions of law and literature review. The objectives of research are for better understanding of the needs, applicability, obstructions and impacts facing the implementation of Sedition Act in Malaysia. Research findings showed that from the substantive and procedural aspect, Sedition Act has been in practice since the British occupation for the purpose of keeping the unity of people. Research findings also narrowed down to the difficulties in applying a complete and correct understanding regarding sedition act in a multi racial society with various religions. This working paper concluded that the implementation of Sedition Act in Malaysia is needed as the provisions in the Act are able to uphold and protect the national unit of multi racial in Malaysia.*

Keywords: Sedition Act; Multi-Racial Unity

1. Pengenalan

Cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 kerana ia menyekat kebebasan bersuara lalu bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menimbulkan pelbagai persoalan undang-undang yang melibatkan akta usang ini. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memberikan hak dan kebebasan kepada rakyat jelata Malaysia untuk bercakap dan bersuara, berhimpun secara aman dan tanpa

senjata, serta membentuk persatuan. Walau bagaimanapun, hak dan kebebasan ini tentunya mempunyai had dan sekatan bagi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan nasional.

Manakala cadangan penubuhan Akta Keharmonian Nasional sebagai penggantinya pula dilihat dapat membantu mengukuhkan dan melindungi perpaduan negara serta memupuk keharmonian dalam beragama. Sungguhpun begitu, keseimbangan yang ideal adalah sangat perlu bagi mengelakkan sekatan dalam hak bersuara yang dijamin dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Tanpa kebebasan bersuara dikhuatiri akan menyekat perkembangan daya kreativiti serta sifat inovatif. Perlukah janji transformasi bagi memansuhkan Akta Hasutan bagi menjamin kebebasan hak asasi dikekalkan?

Akta Hasutan 1948 adalah undang-undang Malaysia yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menghasut. Akta ini sebenarnya digubal oleh penjajah British pada tahun 1948 untuk menghalang sesuatu yang ‘berkecenderungan menghasut’ kerana ia dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah.

Merujuk seksyen 2 Akta Hasutan 1948 menghasut ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan atau perkataan (ungkapan, ayat, bilangan perkataan, gabungan perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis), ucapan, penerbitan (bertulis, bercetak, gambaran, naskhah, keluaran semula) atau lain-lain perkara atau perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut.

Manakala seksyen 3(1) Akta Hasutan 1948 pula mentafsirkan kecenderungan menghasut sebagai mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia kepada Raja atau kerajaan, atau di kalangan rakyat. Ia juga membawa maksud mendapatkan perubahan secara tidak sah, mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum. Ini juga termasuk mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif, yang ditetapkan atau dilindungi terutamanya dalam 4 Perkara penting Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 3 (agama Islam), Perkara 152 (kedudukan Bahasa Melayu), Perkara 153 (kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera) dan Perkara 181 (kedudukan Raja-Raja Melayu).

Merujuk peruntukan dalam seksyen 2 dan 3 (1) dan lain-lain seksyen yang berkaitan, Akta Hasutan berkemungkinan besar mampu menegakkan paksi-paksi dalam peruntukan-peruntukan tersebut. Dengan betul-betul meneliti dan memahami makna peruntukan-peruntukan dalam Akta Hasutan, perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia sudah pun tercapai. Semenjak berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, Malaysia tidak mengalami masalah besar dalam isu perpaduan rakyat berbilang kaum. Jadi mengapa perlunya Akta Hasutan ini dimansuhkan dan diganti dengan akta lain? Adakah Akta Hasutan 1948 ini tidak diperlukan lagi bagi menjamin perpaduan kaum di negara Malaysia yang berbilang kaum ini? Jika semua sudah sepakat bahawa Malaysia sudah pun aman damai dan tiada sesuatu pun yang boleh menggugat keamanan, kedamaian serta perpaduan kaum, mengapa pula perlu diwujudkan undang-undang lain iaitu Akta Keharmonian Nasional menggantikan Akta Hasutan?

2. Sejarah ringkas

Akta ini bermula di England sekitar 1351 dan terkandung dalam “Statute of Treason”. Ia kemudiannya dikenali secara rasmi sebagai Sedition Act 1661 dan mulanya, bertujuan untuk menyekat mana-mana pihak dari mengembalikan agama Kristian Roman Katolik kepada takhta England. Asasnya, selepas kekalahan Jepun, Malayan Union yang hendak diperkenalkan oleh British mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu. Maka, atas dasar itu lahir satu badan yang sehingga hari ini dinamakan United Malays National Organization (UMNO). Badan ini mulanya ditubuhkan untuk menentang Malayan Union. Maka, British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Ia mendapat sokongan majoriti orang Melayu yang kebanyakannya ahli UMNO. Namun begitu, pembentukan PTM tidak dipersetujui oleh golongan Melayu kiri dan radikal. Kesannya, Akta Hasutan mula dibawa masuk ke

Tanah Melayu sebagai Ordinan no. 14 bagi menyekat penentangan rakyat terhadap kerajaan British dan pembentukan PTM. Sebagai contoh, sejarah menunjukkan bagaimana Angkatan Pemuda Insaf (API) diharamkan oleh British dan pemimpinnya, Ahmad Boestamam di penjara selama tujuh tahun tanpa diberi perbicaraan. Kini, Akta Hasutan 1661 (England) sudah dimansuhkan dan tidak lagi diguna pakai dalam undang-undang British tetapi sesetengah peruntukan (Provisions) dalam akta itu masih digunakan dalam Akta Khianat (Khairul Naim Rafidi, 2013).

3. Dapatan kajian

Akta Hasutan bertujuan melindungi beberapa perkara terutamanya empat Perkara sensitif yang penting seperti Perkara 3 (agama Islam), Perkara 152 (kedudukan Bahasa Melayu), Perkara 153 (kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera) dan Perkara 181 (kedudukan Raja-Raja Melayu). Peruntukan dalam Akta Hasutan memberi jaminan bahawa empat Perkara ini tidak boleh dipertikaikan. Ini secara tidak langsung menjamin kedudukan agama Islam, kedudukan Bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera dan kedudukan Raja Melayu tidak akan terjejas dalam apa jua keadaan. Di Malaysia, selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969, pindaan terhadap undang-undang ini dilaksanakan segera demi menjaga perpaduan dan keharmonian kaum. Ini dilakukan dengan mencatat perkara sensitif seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan supaya tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak seperti agama Islam (Perkara 3), kedudukan Bahasa Melayu (Perkara 152), kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera (Perkara 153) dan kedudukan Raja-Raja Melayu (Perkara 181).

Sebagai contoh dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik and Ors* (1971), defendan telah didakwa kerana menyentuh hal-hal istimewa orang Melayu. Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan memberikan kedudukan istimewa kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera sebagai rakyat asal negara ini maka hukuman di bawah Akta Hasutan boleh dikenakan ke atas sesiapa yang mempertikaikan hak-hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera. Adakah Akta Keharmonian Nasional yang dicadangkan akan turut mempertahankan kedudukan istimewa kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera?

Akta Keharmonian Nasional yang dicadangkan hanya memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Justeru itu, tidak dinafikan bahawa rang undang-undang baharu itu akan bersifat lebih spesifik dan membolehkan kerajaan bertindak terhadap mana-mana pihak yang menggunakan isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional.

Namun, Akta Hasutan adalah lebih bersifat melindungi dan memelihara perpaduan kaum. Sedarkah apa yang sebenarnya boleh berlaku jika Akta Hasutan dimansuhkan? Apabila Akta Hasutan dimansuhkan, atau dihapuskan, maka rakyat Malaysia akan bebas menghasut. Akta baru ini tidak berupaya menghalang pelbagai jenis hasutan yang akan berlaku. Rakyat akan menerima berbagai-bagai hasutan, termasuk hasutan untuk meminda Perlembagaan Malaysia. Malah, kedudukan orang Melayu dan Bahasa Melayu juga boleh digugat. Tidak mustahil ada yang menghasut supaya institusi raja juga dihapuskan. Di Thailand ada undang-undang "Les Mejesté" yang melarang sebarang cemuhan terhadap raja dan institusi raja. Tetapi di Malaysia undang-undang ini tidak ada. Tanpa Akta Hasutan, pelampau di kalangan rakyat bebas mengkritik raja dan sistem beraja secara terbuka dan akhirnya membuat desakan supaya institusi raja dihapuskan. Tidak ada undang-undang yang boleh menahan mereka setelah ISA dan Akta Hasutan dimansuhkan.

Rata-rata ada yang mengatakan tidak wajar menahan mereka yang mengkritik empat perkara sensitif tersebut. Namun, tindakan mereka yang tidak wajar dan perbuatan sensitif yang telah mereka lakukan sememangnya boleh ditahan kerana menghina institusi raja-raja, mempertikaikan kedudukan orang Melayu, penduduk bumi asal Tanah Melayu, mempertikaikan kedudukan Bahasa Melayu dan

mempermainkan serta memperlekehkan agama Islam, agama rasmi Malaysia yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Empat elemen utama ini iaitu agama, kaum, bahasa dan institusi raja merupakan elemen yang boleh mewujudkan perpecahan dan perbalahan jika tidak dijaga dengan baik. Kita tidak mahu peristiwa hitam yang berlaku pada Mei 1969 berulang lagi. Peristiwa 1969 adalah kes rusuhan kaum yang berbangkit dari isu perkauman. Jika rakyat berpecah belah dan negara menjadi tidak aman, kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat, di mana tentera akan mengambil alih pemerintahan negara demi menjaga kesejahteraan semua pihak. Adakah ini yang kita semua mahu?

Tanpa perpaduan kaum, negara tidak dapat menumpukan pada pembangunan ekonomi untuk memajukan negara kerana perpaduan kaum adalah teras sesebuah negara yang utuh, maju, aman dan berjaya. Demi mengekalkan perpaduan kaum, maka sangat diperlukan sikap toleransi, persefahaman dan peruntukan perundangan. Jika Akta Hasutan dimansuhkan, tidak ada lagi undang-undang yang melindungi rakyat dari berpecah-belah akibat terpengaruh kata-kata hasutan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan menyemak semula beberapa kes yang dituduh di bawah Akta Hasutan 1948. Di antaranya ialah kes Dr Azmi Sharom, pensyarah undang-undang Universiti Malaya (UM), yang didakwa pada 2 September kerana artikelnya yang bertajuk “Take Perak crisis route for speedy end to Selangor impasse, Pakatan told” (guna laluan krisis yang berlaku di Perak untuk menyelesaikan segera kebuntuan di Selangor, Pakatan diberitahu). Beberapa pemimpin Pakatan Rakyat turut didakwa mengikut akta yang sama termasuk Rafizi Ramli dan N Surendran dari PKR, Khalid Samad dari PAS dan RSN Rayer dari DAP. Juga dalam perbicaraan kerana tuduhan menghasut ialah Teresa Kok (DAP) dan Chua Tian Chang (PKR), sementara Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin (PAS) didakwa atas tuduhan membuat fitnah. Penyemakan semula ini atas alasan bahawa amalan ini adalah prosedur biasa yang dilakukan bagi mana-mana pendakwaan supaya tanggungjawab yang dilaksanakan adalah sentiasa adil, telus dan saksama. Namun, tindakan itu dikritik hebat pelbagai pihak kerana ia membayangkan kemungkinan akta itu tidak akan dihapuskan dan ia dianggap cubaan Putrajaya menghukum suara yang lantang menentang kerajaan, (The Malaysian Insider, 2014).

Sebanyak 274 kes telah disiasat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Akta Hasutan 1948 dari tahun 2008 hingga 29 Mei 2014, termasuk 43 laporan polis. Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat di negara ini.

Andai kata Akta Hasutan ini dimansuhkan, bagaimana pula perpaduan kaum boleh dijamin? Malaysia adalah negara majmuk di mana rakyatnya bukan sahaja terdiri dari berbilang kaum malah berbagai agama dan kepercayaan. Tambahan lagi, adat resam dalam setiap kaum juga berbeza. Bahasa juga turut berbeza dan kita meraikan setiap perayaan kaum-kaum lain sepanjang tahun. Bukan mudah membentuk kesepaduan dalam kepelbagaian ini. Malahan, ianya adalah cabaran besar yang memerlukan suatu bentuk perundangan yang boleh menjadi platform bagi menjamin perpaduan kaum di Malaysia.

Sudah berapa kes yang telah dibicarakan kerana melanggar peruntukan dalam Akta Hasutan sepanjang Akta Hasutan diwujudkan? Atas alasan apakah mereka ini dibicarakan? Sekiranya tiada sekatan langsung maka setiap orang akan bebas mengkritik, menghina, merendah-rendahkan dan mengherdik kepercayaan, agama, bahasa dan bangsa lain sesuka hati tanpa had, sekatan dan sempadan. Akan wujudkan keharmonian jika ini berlaku?

Terdapat cara lain lagikah yang lebih sesuai untuk memastikan perpaduan kaum tidak tergugat selain dari Akta Hasutan? Jika peruntukan dalam akta yang dicadangkan iaitu Akta Keharmonian Nasional adalah lebih kurang sama sahaja dengan Akta Hasutan, mengapa perlu ia diadakan? Mengapa tidak dikekalkan sahaja akta yang sedia ada iaitu Akta Hasutan? Jika peruntukan dalam Akta Keharmonian Nasional adalah jauh bezanya dengan Akta Hasutan, malah terdapat peruntukan-peruntukan lain yang nyata boleh

memupuk keharmonian dan menjamin perpaduan kaum dengan lebih baik dan berkesan, apakah peruntukan-peruntukan dalam Akta Hasutan tidak mampu mencapai hasrat yang sama? Persoalan yang lebih penting sekali ialah, adakah empat Perkara iaitu Perkara 3, 152, 153 dan 181 masih dijamin dan diberi kedudukan yang sepatutnya dalam Akta Keharmonian Nasional? Kedudukan empat Perkara ini dalam Akta Hasutan sangat jelas dan tidak boleh digugat. Jadi, Akta Hasutan sangat diperlukan bagi menjamin perpaduan kaum di Malaysia.

Pemahaman masyarakat yang mendalam dan betul ke atas tujuan dan tafsiran Akta Hasutan sangat diperlukan bagi memelihara perpaduan negara. Akta ini perlu diberi penerangan terperinci kepada setiap lapisan masyarakat supaya masyarakat faham bahawa akta ini bukan terhadap kes-kes mudah seperti mempersoalkan sesuatu perkara sahaja. Akta ini turut terpakai bagi kes-kes menghina, merendahkan, memperlekeh, mempermainkan, membesar-besarkan atau juga memperkecil-kecilkan sesuatu perkara sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam masyarakat lalu wujudlah kekacauan. Walaupun telah usang, akta ini masih sangat berguna bagi memelihara dan menjamin perpaduan kaum di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk.

Hak kebebasan bercakap dan bersuara, hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dan hak untuk membentuk persatuan yang diberi dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan pula bukan diberi secara lepas bebas tanpa pengawasan, sekatan atau syarat. Malah, menurut Perkara 10 (1), hak-hak ini tertakluk pula pada Fasal (2) dan (3) iaitu hak-hak kebebasan ini mesti menjaga kepentingan keselamatan, hubungan baik, ketenteraman awam atau prinsip moral dan tiada unsur-unsur menghina, memfitnah, atau mengapi-apikan. Juga perlu tertakluk kepada Fasal (4) di mana merujuk kepada Fasal (2)(a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.

Had dan batasan ini diwujudkan selaras dengan sensitiviti, persekitaran serta komposisi rakyat Malaysia yang berbilang latar belakang. Matlamatnya adalah untuk mengelakkan pertembungan, perbalahan, pertelingkahan dan konflik di kalangan rakyat di negara yang majmuk. Had dan batasan kebebasan ini juga selaras dengan beberapa peruntukan di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 10 Disember 1948. Perkara 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat menyatakan, setiap individu mempunyai hak kepada kebebasan bersuara dan pendapat. Tetapi, Perkara 29(2) deklarasi yang sama pula memaktubkan bahawa dalam melaksanakan seluruh hak dan kebebasan, setiap individu adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang ditentukan oleh undang-undang khusus.

Menurut Piagam PBB, antara matlamat dan prinsip PBB adalah pengamalan toleransi dan kehidupan bersama secara aman; bersatu memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa; menghapuskan seluruh ancaman kepada keamanan; pemansuhan tindakan-tindakan ganas; dan bertindak selaras dengan undang-undang antarabangsa untuk meleraikan persengketaan atau lain-lain tindakan yang menjejaskan keamanan.

Huraian di atas menurut Ruhanie Ahmad (2011), membuktikan bahawa kebebasan yang dijamin oleh Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat adalah kebebasan yang terhad, bersyarat, mempunyai batas dan mempunyai sekatan. Hakikat ini kurang diketahui oleh masyarakat umum. Ini kerana pihak-pihak yang mendakwa diri mereka sebagai juara kebebasan sengaja menyembunyikan fakta-fakta ini supaya masyarakat umum dapat dikelirukan bahawa kebebasan mereka, termasuklah kebebasan akhbar, kebebasan bersuara dan kebebasan untuk berhimpun secara aman, adalah kebebasan yang hakiki dan tanpa batas atau sekatan. Huraian di atas juga membuktikan bahawa nilai-nilai teras yang dititikberatkan

dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat dan oleh PBB adalah kesusilaan, kesejahteraan, ketenteraman, keamanan, keselamatan, kesaksamaan, toleransi, serta pemeliharaan hak dan kebebasan manusia daripada kemusnahan. Jelas bahawa hak dan kebebasan setiap manusia, walau di mana mereka berada, adalah terhad dan terbatas. Had dan batasan ini pula bukan disebabkan pihak yang mengenakan sekatan adalah tidak demokratik. Sebaliknya kerana pihak yang mengenakan sekatan adalah bertanggungjawab untuk memelihara serta mempertahankan ketenteraman awam, keselamatan masyarakat, keselamatan nasional dan kelangsungan negara.

4. Kesimpulan

Akta Hasutan 1948 melindungi semua orang sama ada orang Islam atau bukan orang Islam, sama ada orang Melayu atau bukan orang Melayu. Akta Hasutan hanya menahan mereka yang melakukan kesalahan menghasut sehingga menimbulkan kacau bilau antara kaum. Di mana-mana negara di dunia pun akan ditahan sesiapa yang melakukan perbuatan menghasut sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati, kacau bilau dan rusuhan. Maka akta ini perlu dikekalkan dan bukan dimansuhkan jika kita mahu mencapai keharmonian dan kesepaduan dalam masyarakat. Cadangan pemansuhan akta ini dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional sebenarnya belum menjamin mekanisme terbaik yang dapat menentukan keseimbangan antara keperluan kebebasan bersuara dan keperluan menangani masalah masyarakat majmuk yang wujud di Malaysia. Menurut akta ini, isu sensitif seperti kedudukan orang Melayu, Raja Melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu tidak boleh disentuh atau dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Berpaksakan ini, kita telah hidup dengan aman. Perlukah keamanan ini digadai demi mewujudkan akta baru menggantikan Akta Hasutan?

Rujukan

- Akta Hasutan. (1948). *Akta 15. Suatu akta untuk memperuntukkan hukuman bagi hasutan*. Undang-Undang Malaysia. Semenanjung Malaysia 1948. Sabah 1964. Sarawak 1969.
- Akta Hasutan 1948. (n.d.). dipetik daripada ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Hasutan_1948
- Akta Hasutan dimansuh: Bukti kerajaan komited melakukan perubahan. (n.d.). Dipetik daripada pmr.penerangan.gov.my
- KDN siasat 274 kes di bawah Akta Hasutan 1948. (9 Jun 2014). *Sinar Harian*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kdn-siasat-274-kes-di-bawah-akta-hasutan-1948-1.288526>
- Khairul Naim Rafidi, (11 Julai 2013). Antara realiti Akta Hasutan dan realistik pelaksanaannya. *The Malaysian Insider*. Dipetik daripada <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/antara-realiti-akta-hasutan-dan-realistik-pelaksanaannya-khairul-naim-rafidi>
- Mahathir Mohamad. (30 Jun 2014). Akta Hasutan [Blog post]. Dipetik daripada <http://chedet.cc/?p=1406>
- Peguam Negara semak semula dakwaan kes mengikut Akta Hasutan. (9 September 2014). *The Malaysian Insider*. Dipetik daripada <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peguam-negara-semak-semula-dakwaan-kes-mengikut-akta-hasutan>
- Ruhanie Ahmad, (3 Julai 2011). Hak dan kebebasan dalam Perlembagaan Persekutuan, deklarasi hak asasi manusia sejagat dan Piagam PBB. Dipetik daripada <http://kuda-kepang.blogspot.com/2011/07/hak-dan-kebebasan-dalam-perlembagaan.html>
- Ruhanie Ahmad, (10 Jun 2012). Hak asasi bukan kebebasan politik. *Utusan Online*. Dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0110&sec=Rencana&pg=re_05.htm